

# Punggung bayi 10 bulan melecur teruk

BH. 29/9/14 AAS26

» Polis tahan pengasuh selepas bapa mangsa buat laporan syak anak didera

Oleh Norizzah Baharudin

bhnews@bh.com.my

► Melaka

**S**eorang bayi perempuan berusia 10 bulan melecur sebahagian punggung dipercayai didera pengasuhnya di sebuah taman perumahan di sekitar Tangga Batu, dekat sini, petang Selasa pada minggu lalu.

Lebih malang, mangsa yang juga anak bongsu daripada dua beradik itu difahamkan melecur teruk pada sebahagian punggungnya dipercayai dicucuh dengan objek panas ketika di bawah jagaan pengasuh terbabit.

Bapa bayi berkenaan yang hanya ingin dikenali sebagai Asmadi, 28, mendakwa pada pagi kejadian, isterinya yang berusia 28 tahun menghantar dua anak mereka ke rumah pengasuh terbabit seperti biasa sebelum ke tempat kerja.

"Isteri sempat membersihkan dan menyiapkan anak kami termasuk yang sulung berusia dua setengah tahun sebelum menghantar mereka ke rumah pengasuh yang terletak berhampiran kediaman kami pada hari berkenaan.

"Kira-kira jam 6.50 petang, isteri datang mengambil dua anak



“  
**Pemeriksaan kesihatan tubuh bayi itu mendapati sebahagian punggung terdapat kesan melecur dan terbakar. Kes disiasat mengikut Seksyen 31 (1) Akta Kanak-Kanak 2001”**

**Raja Shahrom Raja Abdullah,**  
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri Melaka



**Keadaan punggung bayi perempuan berusia 10 bulan yang dipercayai didera pengasuhnya dalam kejadian Selasa lalu.** [FOTO ARIFIN SALLEH/BH]

kami itu di rumah pengasuh manakala saya terus balik ke rumah. Ketika dalam perjalanan ke rumah, anak bongsu saya meregekan dan kelihatan gelisah," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

### **Menangis tidak berhenti**

Asmadi berkata, bimbang melihat keadaan anaknya tidak keuan dan menangis tidak berhenti, beliau sekeluarga mengambil keputusan ke rumah keluarganya yang tinggal di taman perumahan berdekatan selepas Maghrib.

"Setiba di rumah ibu bapa saya, bapa saya terus mendukung cucunya itu, namun anak saya tiba-tiba meraung dengan kuat apabila punggungnya disentuh sebelum bapa menyelak lampin pakai buang yang dipakai anak saya dan terkejut melihat kesan terbakar pada bahagian berkenaan," katanya.

Beliau yang bekerja sebagai anggota pasukan keselamatan berkata, terkejut melihat kea-

daan anaknya, beliau terus bergegas ke rumah pengasuh terbabit bagi mendapatkan penjelasan namun malangnya pihak berkenaan menafikan dakwaannya.

"Pengasuh terbabit mendakwa punggung anak saya sudah melecur ketika isteri saya menghantar dua anak kami ke rumahnya awal pagi hari kejadian," katanya.

Asmadi berkata, beliau kemudian segera membawa anaknya ke sebuah klinik swasta untuk rawatan sebelum kesnya dirujuk ke Hospital Melaka kerana doktor mendakwa keadaan lecur bayinya teruk hingga kulit punggung menggelupas.

### **Mungkin guna seterika panas**

Beliau mendakwa, ketika dirawat di Hospital Melaka, doktor yang melakukan pemeriksaan mengesahkan anaknya berkemungkinan dicucuh menggunakan seterika atau objek panas sebelum disarung lampin pakai buang.

"Kami hantar anak kepada pe-

ngasuh dalam keadaan baik, tetapi tidak sangka pula bila menjemputnya pulang, punggungnya melecur," katanya yang membuat laporan polis di Pondok Polis Hospital Melaka, jam 12 malam hari kejadian.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri, Asisten Komisioner Raja Shahrom Raja Abdullah, mengesahkan menerima laporan daripada bapa mangsa mengenai kejadian yang menimpa anak bongsunya.

"Pemeriksaan kesihatan tubuh bayi berkenaan mendapati sebahagian punggungnya terdapat kesan melecur dan terbakar.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001," katanya.

### **Wanita 30 tahun ditahan**

Berikutan itu, polis menahan seorang wanita berusia 30 tahun di rumahnya, kira-kira jam 2.40 petang pada 24 September lalu bagi membantu siasatan sebelum suspek dibebaskan dengan jaminan polis.